

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI**  
**DI MAJLIS PERASMIAN HARI AUDIT SE-MALAYSIA 'PENGAUDITAN**  
**BERKUALITI MEMPERKUKUH AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI'**  
**DI PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA, PUTRAJAYA**  
**16 DISEMBER 2005**

-----

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

YBG. TAN SRI DR. HADENAN JALIL  
KETUA AUDIT NEGARA

DIF-DIF JEMPUTAN

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KEHADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH, KURNIA DAN IZIN-NYA KITA DAPAT BERTEMU DI PETANG YANG BERBAHAGIA INI. TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGANJUR KERANA TELAH DIBERI PELUANG UNTUK BERUCAP SEPATAH DUA KATA MENGENAI PENGAUDITAN, SATU SUBJEK YANG JARANG DIBINCANG, NAMUN AMAT PENTING DALAM USAHA KITA UNTUK MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM, SERTA JUGA DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SWASTA. PENGAUDITAN MERUPAKAN SATU CARA DI MANA KITA DAPAT MENILAI SEMULA SISTEM DAN PROSES YANG SEDIA ADA, AGAR APA-APA KELEMAHAN YANG TIMBUL DAPAT DIPERBAIKI DAN DIATASI DENGAN BAIK DAN TERPERINCI.

2. PENGAUDITAN MERUPAKAN SATU PROSES "CHECK AND BALANCE" YANG AMAT PENTING UNTUK MENENTUKAN SAMA ADA URUSAN KEWANGAN SESUATU INSTITUSI ATAU ORGANISASI ITU TELAH DIJALANKAN SECARA BERHEMAT. INI ADALAH PENTING UNTUK MENGEKANG AKTIVITI SEPERTI PEMBAZIRAN ATAU PENYELEWENGAN. PERANAN JURUAUDIT UNTUK MENGESAHKAN PENYATA KEWANGAN AKAN TERUS DITUNTUT KERANA HASILNYA DAPAT MELINDUNGI DAN MENJAGA HAK SERTA KEPENTINGAN PIHAK-PIHAK YANG BERKAITAN. PIHAK YANG BERKAITAN TERMASUK PEMILIK DAN PEMEGANG SAHAM SYARIKAT SERTA PEMBERI PINJAMAN. SELAIN ITU, KEPENTINGAN PENGGUNA JUGA TERJAGA KERANA SECARA TIDAK LANGSUNG, PENGAUDITAN URUSAN KEWANGAN SYARIKAT BOLEH MENGURANGKAN PEMBAZIRAN DAN LAIN-LAIN JENIS PENYELEWENGAN AGAR KOS PENGELUARAN DAPAT DIKEKALKAN DI TAHAP YANG MINIMA.

3. DARIPADA PANDANGAN KERAJAAN PULA, PENYATA KEWANGAN SYARIKAT YANG TELAH DIAUDIT AMAT BERGUNA KEPADA AGENSI KAWALAN DAN PEMANTAUAN PERJALANAN SYARIKAT SEPERTI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA, SURUHANJAYA SEKURITI, BURSA MALAYSIA DAN BANK NEGARA, UNTUK MEMASTIKAN SEGALA PERATURAN TELAH DIPATUHI. SELAIN ITU, PENYATA

KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT ADALAH PENTING BAGI MEMBOLEHKAN SYARIKAT MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB SOSIALNYA, YAKNI MEMBAYAR CUKAI KEPADA KERAJAAN. KEGAGALAN JURUAUDIT MENELITI KOMPONEN PERBELANJAAN DAN PENDAPATAN SYARIKAT DENGAN TEPAT BOLEH MEMBERI KESAN TERHADAP JUMLAH CUKAI YANG DIPUNGUT. BEBERAPA SKANDAL KEWANGAN DI LUAR NEGARA DALAM BEBERAPA TAHUN YANG LEPAS JUGA TELAH MEMBERI PENGAJARAN YANG MENDALAM AKAN PENTINGNYA PENGAUDITAN, BUKAN SAHAJA DI SEKTOR SWASTA MALAH JUGA DI SEKTOR AWAM. SELARAS DENGAN ITU, PENGAUDITAN HARUS DIBERIKAN PENEKANAN YANG SEPENUHNYA, UNTUK MENGELAKKAN SKANDAL ATAU KRISIS YANG SAMA BERLAKU LAGI.

4. OLEH ITU, TEMA 'PENGAUDITAN BERKUALITI MEMPERKUKUH AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI' YANG DIPILIH BERSEMPENA DENGAN HARI AUDIT SE-MALAYSIA ADALAH WAJAR DAN SANGAT RELEVAN BAGI NEGARA KITA. APA JUGA TUGAS YANG KITA LAKUKAN MESTILAH DILAKSANAKAN DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH SERTA TERPERINCI. KERJA YANG BERKUALITI AKAN DAPAT MENENTUKAN HASIL YANG MEMUASKAN DAN BOLEH MENENTUKAN KEPUASAN PELANGGAN. KEUPAYAAN SYARIKAT MALAYSIA BERTANDING DI PERINGKAT GLOBAL AKAN HANYA TERCAPAI JIKA PRODUK YANG DIHASILKAN ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN ADALAH BERKUALITI TINGGI.

5. BUDAYA KERJA PENGAUDITAN YANG BERKUALITI INI PERLU DITITIKBERATKAN BUKAN SAHAJA DI SEKTOR AWAM MALAH JUGA DI SEKTOR SWASTA. JURUAUDIT SEKTOR SWASTA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB YANG SAMA BERAT DENGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM. SELARAS DENGAN ITU SAYA INGIN MENYARANKAN SUPAYA JURUAUDIT SEKTOR SWASTA MENGAMALKAN PENGAUDITAN BERKUALITI SEBAGAI SATU BUDAYA KERJA YANG DIPRAKTIKKAN SEPANJANG MASA. SELARAS DENGAN TREN GLOBALISASI MASA KINI, SEKTOR SWASTA JUGA WAJAR MENJALANKAN PENGAUDITAN BERASASKAN PIAWAIAN "BEST PRACTICE" ANTARABANGSA, SESUAI DENGAN KEHENDAK DAN KEPERLUAN PARA PELABUR DALAM DAN LUAR NEGARA.

6. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN YANG BERKUALITI HANYA BOLEH DILAKSANAKAN APABILA PENYATA BERKENAAN TELAH DISIAPKAN SECARA SEMPURNA DAN TERKINI. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA PENYATA KEWANGAN BAGI KERAJAAN PERSEKUTUAN, KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI, BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN SEBILANGAN BESAR AGENSI NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN TELAH DISIAPKAN DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN. UCAPAN SYABAS PATUT DIBERI KEPADA KESELURUHAN WARGA KERJA JABATAN AKAUNTAN NEGARA JUGA, KERANA PENYATA KEWANGANNYA TELAH DISIAPKAN DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN, MEMENUHI PIAGAM JABATAN DAN DIASASKAN KEPADA PIAWAIAN PERAKAUNAN ANTARABANGSA. BAGI AGENSI NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG MASIH GAGAL MENYEDIAKAN PENYATA KEWANGAN MEREKA, SAYA BERHARAP TINDAKAN SEWAJARNYA AKAN DIAMBIL UNTUK MEMBETULKAN KEADAAN INI SUPAYA IMEJ AGENSI DAN AKHIRNYA IMEJ KERAJAAN SENDIRI TIDAK TERJEJAS.

7. PENGAUDITAN YANG DIJALANKAN JUGA BERTUJUAN UNTUK MENIMBULKAN RASA TANGGUNGJAWAB ATAU AKAUNTABILITI KE ATAS MEREKA YANG TELAH

DIAMANAHKAN MENGURUS SESUATU SYARIKAT ATAU AGENSI KERAJAAN. SEBENARNYA SETIAP DARIPADA KITA MEMIKUL TANGGUNGJAWAB ATAS KERJA YANG DILAKUKAN BERDASARKAN KEPADA AMANAH YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA KITA. ADA PIHAK YANG AKAN MEMERHATI, MENILAI DAN MEMBUAT KEPUTUSAN SAMA ADA KITA TELAH MENJALANKAN TUGAS YANG DIBERI DENGAN SEMPURNA. BAGI ORANG ISLAM, PENILAI UTAMA TANGGUNGJAWAB KITA ADALAH ALLAH S.W.T.. SESUNGGUHNYA, MEREKA YANG BERTANGGUNGJAWAB TIDAK AKAN MENGABAIKAN SESUATU KERJA YANG TELAH DIAMANAHKAN KEPADANYA. SIKAP BERTANGGUNGJAWAB INI ADALAH SIKAP YANG PRODUKTIF DAN MEMBERI MANFAAT KEPADA KESEMUA PIHAK. MALAH HADIS RASULULLAH S.A.W. YANG DIRIWAYATKAN OLEH AL-BUKHARI DAN MUSLIM YANG MENYEBUT BAHAWA:

“SETIAP ORANG DARIPADA KAMU MERUPAKAN PENJAGA DAN SETIAP PENJAGA BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP APA YANG DIJAGANYA.”

8. MAKA SEKIRANYA CIRI-CIRI TANGGUNGJAWAB ATAU AKAUNTABILITI INI WUJUD DI KALANGAN KITA, SAMA ADA SEBAGAI PEKERJA SYARIKAT ATAUPUN SEBAGAI PENJAWAT AWAM, SAYA RASA PELBAGAI KEMELUT YANG DIHADAPI DI SEKTOR EKONOMI, PERNIAGAAN DAN KEWANGAN BAHKAN JUGA SEKTOR POLITIK TIDAK AKAN TIMBUL. BESAR KEMUNGKINAN NEGARA KITA AKAN MENIKMATI TAHAP EKONOMI YANG LEBIH TINGGI DAN TARAF KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK.

9. DENGAN ITU, UNTUK MENCAPAI BUDAYA KERJA YANG MURNI DAN BERKUALITI, AKAUNTABILITI PERLU DILENGKAPKAN DENGAN SIFAT INTEGRITI. SESEORANG YANG BERINTEGRITI SUDAH SEMESTINYA BERTANGGUNGJAWAB SERTA MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN IKHLAS DAN TELUS. KERAJAAN TELAHPUN MELANCARKAN PELAN INTEGRITI NASIONAL YANG MEMERLUKAN PENGLIBATAN DAN KERJASAMA KESEMUA LAPISAN MASYARAKAT DI NEGARA INI. PELBAGAI PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA TELAH MENDAPAT SAMBUTAN YANG BAIK, NAMUN SAYA RASA MASIH ADA LAGI RUANG UNTUK DIPERTINGKATKAN DAN INI MEMERLUKAN SUMBANGAN DARI SAUDARA-SAUDARI SEKELIAN.

10. USAHA UNTUK MEMPERKUKUH DAN MEMPERKAYA AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI BUKANLAH MUDAH. IANYA MEMERLUKAN KOMITMEN DARIPADA KESEMUA PIHAK UNTUK MEWUJUDKAN KETELUSAN DALAM APA JUA URUSAN HARIAN KITA. OLEH ITU, SAYA MENYERU AGAR PIHAK SWASTA JUGA TURUT BERSAMA MENGHAYATI DAN MEMPRAKTIKKAN SIFAT-SIFAT MURNI TERSEBUT. TERUTAMANYA BAGI URUSAN KEWANGAN, SAYA TIDAK NAMPAK BAGAIMANA SIFAT AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI TIDAK BOLEH DIJADIKAN AMALAN BIASA BAGI KEDUA SEKTOR TERSEBUT. JIKA DIAMALKAN SECARA MELUAS, SAYA YAKIN NEGARA DAPAT TERUS MAJU KE HADAPAN DI DALAM PELBAGAI BIDANG.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

11. AKAUNTABILITI SEKTOR AWAM AKAN DAPAT DIPERTINGKAT DAN DIPERKUKUKAN MELALUI PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH AGENSI-AGENSI PENGUATKUASA SEPERTI POLIS, BIRO PENGADUAN AWAM, BADAN PENCEGAH

RASUAH DAN JUGA JABATAN AUDIT NEGARA. JABATAN AUDIT NEGARA MERUPAKAN AGENSI KRITIKAL DALAM MENENTUKAN AKAUNTABILITI PENJAWAT AWAM, BERBEKALKAN KUASA-KUASA TERTENTU YANG TELAH DIBERIKANNYA DI BAWAH PERLEMBAGAAN DAN AKTA AUDIT NEGARA. SETELAH MENDENGAR UCAPAN KETUA AUDIT NEGARA TADI, SAYA DAPATI BEBERAPA PENDEKATAN BARU TELAH DILAKSANAKAN SEJAK BEBERAPA TAHUN YANG LALU DALAM MEMPERBAIKI CARA KERJA DAN PELAPORAN JABATAN AUDIT NEGARA. SYABAS DIUCAPKAN KEPADA JABATAN AUDIT NEGARA KERANA TELAH BERUSAHA UNTUK KELUAR DARI BUDAYA KERJA LAMA DAN MENGGUNA PAKAI PENDEKATAN BARU BAGI MENANGANI PERSEKITARAN KERJA YANG LEBIH MENCABAR.

12. SEPERTI PROFESION YANG LAIN, SAYA BERHARAP JURUAUDIT JUGA AKAN MENYEDIAKAN DIRI MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN MASA DEPAN. ILMU DAN KEPAKARAN BARU MESTI DIPEROLEHI SELARAS DENGAN KONSEP PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT. AKADEMI AUDIT NEGARA JUGA PERLU DIGUNAKAN SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN INI DENGAN MENAWARKAN LATIHAN YANG BERKUALITI DAN KOMPREHENSIF, TERUTAMANYA DALAM BIDANG PENGURUSAN KEWANGAN SEKTOR AWAM. SELAIN ITU, PENGGUNAAN I.C.T. MESTI DITERUSKAN AGAR TAHAP KECEKAPAN DAPAT DIPERTINGKATKAN LAGI.

13. SEBAGAI JURUAUDIT YANG BAKAL MENZAHIRKAN PEMERHATIAN TERHADAP URUSAN KEWANGAN SYARIKAT ATAU JABATAN, SAYA BERHARAP IA AKAN DILAKUKAN SECARA BERHEMAMAH DAN BERASASKAN KEPADA TAHAP PROFESIONALISME YANG TINGGI. SESEORANG JURUAUDIT ITU PERLU MEMBERI ANALISIS YANG BAIK DAN PEMERHATIAN YANG BERNAS SEHINGGA DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH JABATAN. PARA JURUAUDIT SEKTOR SWASTA JUGA PATUT MEMIKIRKAN PENDEKATAN BARU DENGAN MENZAHIRKAN PEMERHATIAN AUDIT YANG SEIMBANG SUPAYA IANYA MENJADI PENDORONG KEPADA PIHAK PENGURUSAN UNTUK MENAMBAHBAIK LAGI URUSAN SYARIKAT.

14. SAYA SERING MENYARANKAN SUPAYA JABATAN DAN AGENSI SEKTOR AWAM MEMBERI PENEKANAN TERHADAP PEMERHATIAN AUDIT. MUNGKIN KETUA JABATAN ATAU PEGAWAI PENGAWAL MERASA TERKILAN APABILA TEGURAN DIBUAT OLEH JABATAN AUDIT, TETAPI SEBARANG TEGURAN ITU PATUT DITERIMA DENGAN POSITIF DAN MEMBINA. DENGAN ITU, TINDAKAN PERLU DIAMBIL MELALUI JAWATANKUASA SEDIA ADA UNTUK MENYEDIAKAN RESPONS SECARA POSITIF TERHADAP PEMERHATIAN BERKENAAN DAN TIDAK SAMA SEKALI MENGAMBIL TINDAKAN SAMBIL LEWA. SAYA DIFAHAMKAN OLEH KETUA AUDIT NEGARA, KERJASAMA DAN KOMITMEN KETUA JABATAN DAN PEGAWAI PENGAWAL SEJAK KEBELAKANGAN INI TELAH MENINGKAT KE TAHAP YANG LEBIH BAIK, DAN SAYA BERHARAP PERKEMBANGAN INI AKAN DITERUSKAN LAGI.

15. SAYA INGIN MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN AMAT MENGHARGAI KERJA DAN SUMBANGAN SEMUA JURUAUDIT DI SELURUH NEGARA, BUKAN SAHAJA DALAM MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEWANGAN SEKTOR AWAM DAN SWASTA, BAHKAN JUGA DALAM MEMPERKUKUHKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI DI KALANGAN PENJAWAT KEDUA-DUA SEKTOR. DALAM PADA ITU, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA JABATAN AUDIT NEGARA DAN BERDOA IA AKAN DAPAT TERUS MAJU KE HADAPAN PADA TAHUN-TAHUN YANG AKAN DATANG.

16. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN HARI AUDIT SE-MALAYSIA.

TERIMA KASIH.